

Senarai majlis Pembukaan Lawatan SIRIM Persijilan Semula MS ISO 9001: 2008

UUM ONLINE: Bagi mendapat pengiktirafan kualiti yang berterusan, Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima kunjungan tiga juruaudit daripada SIRIM Berhad bagi menjalankan audit bermula hari ini hingga 23 September 2010.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UUM, Prof Dr. Rosna Awang Hashim berkata beberapa skop yang akan diaudit oleh SIRIM seperti reka bentuk dan pembangunan sistem Ijazah Sarjana Muda, peruntukan perkhidmatan pendidikan untuk pelajar Sarjana Muda, peruntukan penyelidikan, perundingan, penerbitan dan perkhidmatan perpustakaan serta lain-lain perkhidmatan sokongan.

"Kita pertama kali UUM mendapat pensijilan ISO 9001 secara keseluruhan pada Disember 2001, dan kini hampir Disember 2010, masih mengekalkan pensijilan ini pada tempoh yang agak panjang hampir sembilan tahun.

"Harapan kita ialah dapat mengekalkan pensijilan ini sepanjang yang diperlukan oleh universiti ini dan negara," katanya ketika berucap di Majlis Pembukaan Lawatan SIRIM Persijilan Semula MS ISO 9001: 2008, Bilik Mesyuarat Lembaga Pengarah (LPU), di sini, hari ini.

Tiga juruaudit SIRIM yang akan menjalankan proses audit bagi universiti ini membabitkan pegawai Sirim seperti Hanida Ghazali, Parimala Devi a/p Ganesan dan Hawa Ma'arof.

Rosna juga mengharapkan komitmen dapat diberikan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di universiti ini sepanjang lawatan juruaudit.

"Saya yakin PTJ yang ada pada hari ini, telah dan akan memberi kerjasama sepenuhnya, menjayakan tugas-tugas yang diamanahkan selama ini dan terima kasih kepada SIRIM yang memberikan kerjasama erat, hampir satu dekad bersama dengan UUM," katanya.

Sebelum itu, wakil dari SIRIM Berhad Hanida Ghazali mengadakan kunjungan hormat kepada Naib Canselor, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak di pejabatnya.

Habis.

=====
DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my